

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN LEONG TUCK CHEE
(N47 PANDAMARAN)**

TAJUK : FRIENDSHIP CITY

101. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Klang dan Yiwu, China telah menjalinkan hubungan yang baik untuk perdagangan antarabangsa. Kerajaan Selangor perlu mengambil langkah untuk menarik pelabur dari Yiwu ke Selangor dengan melancarkan program "Friendship City" antara Bandar Klang dan Yiwu. Program telah ditangguh lama. Apakah tindakan yang akan diambil untuk mempercepatkan proses ini?

JAWAPAN:

- a) Selaku Pihak Berkuasa Tempatan, Majlis Perbandaran Klang adalah tertakluk kepada Butiran 1 (a) dan (b), Senarai I (Senarai Persekutuan), Jadual Kesembilan, Perlembagaan Persekutuan yang memperuntukkan bahawa Kerajaan Persekutuan mempunyai kuasa berhubung dengan hal ehwal luar negeri, termasuk triti, perjanjian dan konvensyen dengan negara lain, dan juga pelaksanaan triti, perjanjian dan konvensyen dengan negara lain.

Dalam hal ini (program "*Friendship City*" antara Bandar Klang dan Yiwu), sebarang cadangan untuk menandatangani perjanjian atau Memorandum Persefahaman dengan pihak asing hendaklah mendapat persetujuan Jemaah Menteri. Manakala keputusan Jemaah Menteri pada tahun 1992 supaya tidak diadakan lagi bandar berkembar (*twining of cities*) antara bandar – bandar di Malaysia dengan bandar – bandar di negara lain.

Perkara ini telah dimaklumkan oleh Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor (Seksyen PBT, UPEN) kepada semua Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Selangor melalui surat bertarikh 30 Jun 2016.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN LEONG TUCK CHEE
(N47 PANDAMARAN)**

TAJUK : PERUNTUKAN UNTUK DUN PANDAMARAN

102. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) DUN Pandamaran telah menjadi besar apabila cantuman dari DUN Pandamaran dan DUN Kota Alam Shah pada 2018. Peruntukan masih sama untuk DUN Pandamaran tapi kena jaga dua DUN lama. Adakah Kerajaan akan mempertimbangkan untuk DUN yang mempunyai pengundi yang lebih untuk meringankan kerja ADUN? Misalnya peruntukan untuk pengundi yang lebih dari 45000 ditambahkan kepada RM1.2 juta dan pengundi kurang dari 45000 kekal RM800,000.00.

JAWAPAN:

- a) Selaras dengan keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) ke 41/2016 yang diadakan pada 14 Disember 2016 dan disahkan oleh MMKN ke 42/2016 pada 21 Disember 2016 telah meluluskan peruntukan Perkhidmatan Masyarakat kepada Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri sebanyak RM1,100,000.00 dan setiap Ahli Dewan Negeri RM800,000.00.

Sejumlah RM600,000.00 disalurkan untuk Pegawai Penyelaras yang dilantik oleh Kerajaan Negeri manakala sebanyak RM200,000.00 untuk Ahli Dewan Negeri Bukan Kerajaan.

Kerajaan Negeri pada masa ini masih mengekalkan jumlah peruntukan mengikut status Ahli Dewan Negeri mengikut kawasan seperti mana MMKN tersebut bagi tahun 2018 mengikut Belanjawan 2018 yang telah diluluskan oleh Dewan Negeri pada tahun 2017. Dan kaedah penentuan jumlah peruntukan mengikut jumlah pengundi sedang diteliti untuk pertimbangan Anggaran Belanja Tahun 2019.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN LEONG TUCK CHEE
(N47 PANDAMARAN)**

**TAJUK : RUMAH KEDAI LAMA TIDAK MEMPUNYAI KELAYAKAN MENDUDUKI
TIDAK MEMDAPAT LESEN PERNIAGAAN**

103. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Rumah kedai yang lama seperti rumah papan di Pandamaran telah dibenarkan untuk dijadikan premis perniagaan. Akan tetapi peniaga baru mengalami kesukaran apabila ingin memohon lesen perniagaan baru di premis lama kerana tidak mempunyai Sijil Kelayakan Menduduki. Kerajaan perlu mencari cara penyelesaian untuk meluluskan lesen perniagaan di premis tersebut. Apakah cara penyelesaian yang akan dilaksanakan untuk mengatasi masalah ini?

JAWAPAN:

- a) Majlis Perbandaran Klang telah memperkenalkan Program Khas Lesen (Pemutihan) iaitu pemberian lesen sementara bagi aktiviti perniagaan di seluruh kawasan Majlis Perbandaran Klang. Lesen ini boleh dikeluarkan kepada premis yang tidak dapat dilesenkan dengan kaedah sediada disebabkan faktor-faktor utama seperti berikut:-
- i) Tiada kebenaran merancang untuk aktiviti perniagaan yang dijalankan;
 - ii) Premis perniagaan tidak mempunyai kelulusan bangunan CCC/CF;
 - iii) Berada di luar zon perancangan yang ditetapkan.

Program Khas Lesen (Pemutihan) ini merangkumi keseluruhan perniagaan seperti aktiviti industri, tred & perniagaan dan aktiviti penjaja.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN LEONG TUCK CHEE
(N47 PANDAMARAN)**

TAJUK : SISTEM PARIT DI JALAN BANTING, PANDAMARAN

104. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Parit di sepanjang Jalan Banting, Pandamaran telah lama tidak diselenggara mengakibatkan air bertakung di atas permukaan jalan. Ini telah membahayakan pengguna jalan raya di Jalan Banting, Pandamaran kerana kebanyakan pengguna jalanraya tersebut adalah penunggang motorsikal. Adakah Kerajaan Selangor dapat memperuntukan kepada JKR Selangor untuk menaiktaraf jalan tersebut kerana jalan tersebut adalah di bawah Kerajaan Persekutuan?

JAWAPAN:

- a) Jalan Banting, Pandamaran adalah Jalan Persekutuan FT 3218. Jalan tersebut adalah kategori jalan utama (primary road), dimana penyenggaraan rutin longkang dijalankan sebanyak 2 kali setahun. Walaubagaimanapun, dalam perjanjian konsesi senggara jalan persekutuan, skop senggara longkang tepi jalan adalah terhad kepada longkang jenis terbuka sahaja dan pihak konsesi tidak akan menyelenggara longkang tertutup. Di lokasi yang sering mengalami banjir kilat di jalan ini, didapati penduduk tempatan telah membesarkean kedai-kedai mereka dengan menutup longkang tepi jalan tersebut.

Oleh yang demikian, pihak JKR Selangor dari masa ke semasa akan memohon untuk peruntukan kecemasan bagi menyelesaikan isu ini demi keselamatan pengguna jalan tersebut.

Bagi tindakan jangka masa panjang pihak Jabatan akan memohon kerjasama dari Pentadbir Tanah yang berkaitan tindakan penguatkuasaan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN LEONG TUCK CHEE
(N47 PANDAMARAN)**

TAJUK : PUSAT KEBUDAYAAN (CULTURAL CENTER)

105. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status Pusat Kebudayaan Pelbagai Kaum di tebing Sungai Klang yang pernah diumumkan oleh mantan Menteri Besar pada tahun 2012?

JAWAPAN:

- a) Perancangan bagi penubuhan Pusat Kebudayaan pelbagai kaum di Selangor telah dilaksanakan oleh Jawatankuasa Tetap Kebudayaan semenjak 2012. Ianya melibatkan pembangunan pusat kebudayaan pelbagai kaum yang secara keseluruhannya berpusat di daerah Klang. Cadangan ini melibatkan empat (4) tapak bagi ketiga-tiga kaum, iaitu satu (1) tapak di Kg. Bukit Kuda bagi Pusat Kebudayaan Melayu, satu (1) tapak di Bandar Klang bagi Pusat Kebudayaan Cina dan dua (2) tapak di Kg Pandan bagi Pusat Kebudayaan India.

Perkara ini kemudiannya telah dibentangkan dalam Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) Ke-33/2012 bertarikh 11 September 2012 dan telah disahkan pada MMKN Ke-34/2012 pada 19 September 2012 dengan keputusan seperti berikut:

- i. Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) mengambil maklum pembentangan konsep cadangan pembangunan dan tiga (3) cadangan opsyen Pusat Kebudayaan Melayu, Cina dan India Negeri Selangor dan cadangan konsep bagi mengintegrasikan ketiga-tiga pusat kebudayaan tersebut oleh juru perunding DPZ Asia.
- ii. Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) bersetuju agar peruntukan sebanyak RM80,000.00 diperuntukkan bagi penyediaan *detail concept* untuk ketiga-tiga cadangan pusat kebudayaan dan cadangan mengintegrasikan ketiga-tiga pusat kebudayaan tersebut dengan menggunakan peruntukan Kerajaan Negeri."

Lanjutan itu, beberapa siri perbincangan dan mesyuarat telah diadakan bagi membincangkan perlaksanaan pusat kebudayaan ini. Walau bagaimanapun, cadangan bagi pembangunan pusat kebudayaan ini tidak diteruskan bagi menghormati dan menyempurnakan titah dari D.Y.M.M Sultan Selangor berkaitan

perkara melibatkan pelbagai kaum yang disampaikan melalui surat daripada Pejabat Duli yang Maha Mulia Sultan Selangor kepada Y.B Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor (Ruj: (9)dlm.Pej.DYMM.Sul.Sel.M/3/01.Jld 26) bertarikh 12 September 2012 seperti berikut:

"D.Y.M.M Sultan Selangor menitahkan bahawa Baginda tidak berkenan pembinaan pintu gerbang (Arch) di Jalan Tengku Kelana, Klang yang disebut 'Little India' kerana Klang adalah merupakan Bandar Diraja. Baginda juga tidak berkenan bandar-bandar di dalam Negeri Selangor ini diwujudkan 'Little India' atau 'China Town' atau 'Islamic City'. Ini dikhawatiri boleh mewujudkan sentimen perkauman kerana Baginda mahukan rakyat di Negeri Selangor hidup dalam harmoni dan bersatu padu. D.Y.M.M Sultan Selangor juga pernah menerima permohonan menamakan Shah Alam sebagai 'Islamic City' di mana Baginda telah menolak permohonan ini atas sebab-sebab yang dinyatakan di atas."

Perkara ini sekali lagi telah ditegaskan melalui surat daripada Pejabat Duli yang Maha Mulia Sultan Selangor kepada Y.Bhg Dato' Y.D.P Majlis Perbandaran Klang (MPK) (Rujukan: (65)dlm.Pej.DYMM.Sul.Sel.M/3/01.Jld.37) bertarikh 27 April 2016 seperti berikut:

"D.Y.M.M Sultan Selangor tidak berkenan untuk sebarang pewartaan nama 'Little India' di mana-mana tempat di Negeri Selangor, terutama sekali di Klang. D.Y.M.M Sultan Selangor menitahkan supaya status Klang sebagai Bandar Diraja hendaklah dijaga dengan baik. Walau bagaimanapun D.Y.M.M Sultan Selangor tidak menghalang pengembangan amalan budaya masyarakat berbilang kaum di negeri ini untuk memperkayakan lagi warisan kebudayaan dan kesenian di Negeri Selangor. D.Y.M.M Sultan Selangor juga menitahkan supaya isu 'Little India' tidak lagi ditimbulkan pada masa-masa akan datang."

Disertakan dokumen-dokumen yang berkaitan di lampiran untuk perhatian.

Sehubungan itu, bagi mengantikan rancangan penubuhan Pusat Kebudayaan pelbagai kaum di Selangor, satu cadangan telah dikemukakan untuk mengenal pasti satu kawasan yang dapat dijadikan sebagai sebuah "Desa Budaya" yang mengandungi elemen daripada pelbagai kaum. Cadangan ini adalah selaras dengan titah DYMM Sultan Selangor semasa Majlis Pelancaran Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor (PADAT) pada 5 Mei 2010 iaitu mewujudkan satu "Desa Budaya" yang memaparkan khazanah kekayaan adat Melayu dan warisan Selangor di lokasi yang bersesuaian di pintu masuk negeri Selangor (rujuk lampiran).

Pewujudan Desa Budaya ini akan melibatkan perancangan jangka masa panjang dan perlaksanaannya akan digerakkan secara kolaboratif antara Kerajaan Negeri dan juga penduduk tempatan. Desa tersebut hendaklah mempunyai penduduk daripada pelbagai kaum yang menjalankan kegiatan ekonomi tradisional seperti pertanian, perikanan, penternakan, pertukangan dan kraf tangan serta kaya dengan pelbagai kebudayaan dan kesenian yang beridentitikan Selangor.

Di dalam Desa Budaya tersebut juga akan diwujudkan sebuah kompleks kebudayaan seperti yang terdapat di Perkampungan Hang Tuah dan Perkampungan Budaya Sarawak. Bagi tujuan itu pihak Padat telah mengenal pasti beberapa lokasi yang berkemungkinan sesuai di pintu masuk Selangor melalui jalan darat di Sabak Bernam. Namun begitu, lokasi yang tepat akan dimaklumkan sejurus selepas kajian dan perbincangan lanjut dilakukan bersama pihak-pihak yang berkaitan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(N18 HULU KELANG)**

TAJUK : STATUS PROJEK PEMBANGUNAN SEMULA FLAT PKNS TAMAN KERAMAT

106. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status projek pembangunan semula Flat PKNS Taman Keramat, Hulu Kelang?

JAWAPAN:

- a) Cadangan untuk membangunkan semula Flat PKNS Taman Keramat, Hulu Kelang yang mula dihuni sejak tahun 1974 dan mempunyai sejumlah 688 unit kediaman tersebut telah diusahakan PKNS sejak lebih 10 tahun lalu dengan pelbagai inisiatif dan strategi.

Namun, pelaksanaan projek ini kerap menemui jalan buntu terutamanya apabila menyentuh isu pakej pampasan setimpal kepada pemilik sedia ada. Selain itu, persetujuan penuh dari pemilik sedia ada juga perlu diperolehi terlebih dahulu sebelum sebarang pembangunan semula dapat dilaksanakan dan ini juga merupakan antara cabaran utama dalam pelaksanaan projek.

Terkini, setelah PKNS tidak lagi melanjutkan tempoh MOU untuk kajian lanjut pembangunan semula Flat PKNS Taman Keramat bersama syarikat Hyper Jati Resources Sdn. Bhd. pada 26 Januari 2017, beberapa syarikat pemaju swasta telah mengemukakan minat mereka untuk mengemukakan cadangan pembangunan semula di atas tapak ini namun sehingga kini PKNS masih belum menerima sebarang maklumbalas.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(N18 HULU KELANG)**

TAJUK : STATISTIK SEMASA PROJEK-PROJEK PERUNTUKAN MARRIS

107. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah statistik projek-projek di bawah peruntukan MARRIS bagi DUN Hulu Kelang tahun 2018 setakat ini?

JAWAPAN:

- a) Berdasarkan rekod Perbendaharaan Negeri Selangor, terdapat **sepuluh (10)** projek penyenggaraan jalan yang dirancang di kawasan Dewan Negeri Hulu Kelang dengan perincian berikut :

BIL.	AGENSI PELAKSANA	KATEGORI	BIL.	STATUS	NILAI PROJEK (RM)
1.	MPAJ	Penyenggaraan Pokok	2	Ikut Jadual	200,000.00
		Turapan Semula Jalan	4	Ikut Jadual	1,651,748.30
		Pembaikan Lampu Jalan	3	Ikut Jadual	711,850.00
2.	PDT Gombak	Turapan Semula Jalan	1	Siap	72,620.00
JUMLAH KESELURUHAN			10		2,636,218.30

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(N18 HULU KELANG)**

TAJUK : STATISTIK KUTIPAN SISA KITAR SEMULA DUN HULU KELANG

108. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berikan statistik kutipan sisa kitar semula yang dijalankan oleh MPAJ bagi DUN Hulu Kelang sepanjang tahun 2018.

JAWAPAN:

- a) Berikut adalah statistik bagi kutipan sisa kitar semula yang dijalankan oleh MPAJ bagi DUN Hulu Kelang sepanjang tahun 2018 (sehingga bulan Julai):

BIL	BULAN	JUMLAH (KG)
1	JANUARI	36,257.18
2	FEB	41,527.30
3	MAC	20,124.90
4	APRIL	24,641.00
5	MEI	31,432.10
6	JUN	27,653.80
7	JULAI	26,597.70
JUMLAH:		208,233.98

BIL	BULAN	KOTAK (KG)	KERTAS (KG)	PLASTIK (KG)	BESI (KG)	ALUMINIUM (KG)	PAKAIAN (KG)	E-WASTE (KG)	JUMLAH (KG)
1	JANUARI	12,342.00	18,459.60	2,212.00	1,877.20	687.20	134.60	544.58	36,257.18
2	FEB	18,440.00	15,752.20	2,100.00	2,852.00	1,422.00	284.00	677.10	41,527.30
3	MAC	7,320.00	10,212.00	800.00	642.00	520.00	330.00	300.90	20,124.90
4	APRIL	13,061.00	8,450.00	1,085.00	662.00	383.00	400.00	600.00	24,641.00
5	MEI	14,200.00	11,412.00	2,800.00	845.00	955.00	532.10	688.00	31432.1
6	JUN	10,653.00	12,292.00	1,100.00	769.00	800.00	809.80	1,230.00	27,653.80
7	JULAI	12,200.00	8,750.00	3,500.00	520.00	720.00	407.70	500.00	26,597.70
JUMLAH:		88,216.00	85,327.80	13,597.00	8,167.20	5,487.20	2,898.20	4,540.58	208,233.98

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(N18 HULU KELANG)**

TAJUK : SENARAI KONTRAKTOR PEMBERSIHAN BERMASALAH DI DUN HULU KELANG

109. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan nama kontraktor pembersihan dengan jumlah aduan dan amaran yang diberikan mengikut zon MPAJ di dalam DUN Hulu Kelang.

JAWAPAN:

- a) Dilampirkan senarai nama dan prestasi kontraktor pembersihan kontraktor KDEBWM mengikut kawasan di Dun Hulu Kelang.

Laporan Prestasi Kontraktor KDEBWM dalam DUN Hulu Kelang

ZON	MAC				APRIL						MEI						JUN						JUL		
		SP %	ADUAN	NTP	NP	SP %	ADUAN	NTP	NP	SP %	ADUAN	NTP	NP	SP %	ADUAN	NTP	NP	SP %	ADUAN	NTP	NP	SP %	ADUAN	NTP	NP
PAJ1	93	-	1	4	92	1	-	5	88	-	7	11	94	-	1	5	91	4	-	7					
PAJ2	92	-	6	6	93	-	-	4	94	-	3	5	97	-	-	2	96	-	1	5					
PAJ3	93	-	1	1	93	3	1	3	96	-	-	3	95	-	1	2	95	-	1	3					
PAJ4	91	-	3	1	92	-	-	3	89	1	4	3	92	-	2	2	90	-	4	3					
PAJ5	90	1	17	8	94	-	-	11	82	1	11	21	93	1	-	4	89	-	5	10					
PAJ6	96	-	-	2	94	-	-	2	97	-	-	2	97	-	-	2	96	-	1	2					
PAJ10	91	-	4	1	92	-	2	4	91	1	2	6	94	-	-	3	92	-	2	2					
PAJ11	94	-	-	3	92	-	-	2	97	-	-	1	97	-	-	4	96	-	1	2					
PAJ15	90	1	6	9	91	-	4	7	91	-	3	12	88	2	4	9	89	1	4	9					
PAJ16	93	-	2	5	91	-	4	5	95	-	-	4	93	-	2	2	90	-	5	11					
PAJ17	95	-	-	2	92	1	1	3	95	1	-	2	96	-	-	1	94	-	2	3					

PETUNJUK:

SP SKLA PRESTASI

NTP NOTIS TINDAKAN PEMBETULAN

NP NOTIS PEMBERITAHUAN

PAJ1	Sebahagian Taman Melawati (Jln E1 - Jln E10, Jln I1 - Jln I11 , Jln G1 - Jln G3, Jln A1- A11, Jln B1 - B11, Jln C1-C10) Kawasan IKS dan Sekitar Seperti di dalam Peta.
PAJ2	Seluruh Kawasan Kg Klang Gate, Pusat Bandar Melawati, Kawasan IKS dan Sekitar Seperti di dalam Peta.
PAJ3	Seluruh Kawasa
PAJ4	Kawasa n
PAJ5	Seluruh Kawasan Taman Permata, Taman Lembah Keramat (AU5), Kawasan IKS dan Sekitar Seperti di dalam Peta.
PAJ6	Seluruh Taman
PAJ10	Seluruh Kawasan Taman Sri Keramat Tengah (AU4), Seluruh Taman Desa Keramat (AU3), Taman Sepakat, Kawasan IKS dan Sekitar Seperti di dalam Peta.
PAJ11	Kawasa n
PAJ15	Seluruh Kawasa
PAJ16	Seluruh Kawasan Taman Sri Keramat (AU2), Sebahagian Jalan Enggang, Sebahagian Jalan Enggang Timur, Kawasan IKS dan Sekitar Seperti di dalam Peta.
PAJ17	Seluruh Kawasa

Laporan Prestasi Kontraktor KDEBWM dalam DUN Hulu Kelang

ZON	MAC	APRIL				MEI				JUN				JUL						
		SP %	ADUAN	NTP	NP	SP %	ADUAN	NTP	NP	SP %	ADUAN	NTP	NP	SP %	ADUAN	NTP	NP			
PAJ1	93	-	1	4	92	1	-	5	88	-	7	11	94	-	1	5	91	4	-	7
PAJ2	92	-	6	6	93	-	-	4	94	-	3	5	97	-	-	2	96	-	1	5
PAJ3	93	-	1	1	93	3	1	3	96	-	-	3	95	-	1	2	95	-	1	3
PAJ4	91	-	3	1	92	-	-	3	89	1	4	3	92	-	2	2	90	-	4	3
PAJ5	90	1	17	8	94	-	-	11	82	1	11	21	93	1	-	4	89	-	5	10
PAJ6	96	-	-	2	94	-	-	2	97	-	-	2	97	-	-	2	96	-	1	2
PAJ10	91	-	4	1	92	-	2	4	91	1	2	6	94	-	-	3	92	-	2	2
PAJ11	94	-	-	3	92	-	-	2	97	-	-	1	97	-	-	4	96	-	1	2
PAJ15	90	1	6	9	91	-	4	7	91	-	3	12	88	2	4	9	89	1	4	9
PAJ16	93	-	2	5	91	-	4	5	95	-	-	4	93	-	2	2	90	-	5	11
PAJ17	95	-	-	2	92	1	1	3	95	1	-	2	96	-	-	1	94	-	2	3

PETUNJUK:

SP SKLA PRESTASI

NTP NOTIS TINDAKAN PEMBETULAN

NP NOTIS PEMBERITAHUAN

PAJ1	Sebahagian Taman Melawati (Jln E1 - Jln E10, Jln I1 - Jln I11, Jln G1 - Jln G3, Jln A1- A11, Jln B1 - B11, Jln C1- C10) Kawasan IKS dan Sekitar Seperti di dalam Peta.
PAJ2	Seluruh Kawasan Kg Klang Gate, Pusat Bandar Melawati, Kawasan IKS dan Sekitar Seperti di dalam Peta.
PAJ3	Seluruh Kawasa
PAJ4	Kawasa n
PAJ5	Seluruh Kawasan Taman Permata, Taman Lembah Keramat (AU5), Kawasan IKS dan Sekitar Seperti di dalam Peta.
PAJ6	Seluruh Taman
PAJ10	Seluruh Kawasan Taman Sri Keramat Tengah (AU4), Seluruh Taman Desa Keramat (AU3), Taman Sepakat, Kawasan IKS dan Sekitar Seperti di dalam Peta.
PAJ11	Kawasa n
PAJ15	Seluruh Kawasa
PAJ16	Seluruh Kawasan Taman Sri Keramat (AU2), Sebahagian Jalan Enggang, Sebahagian Jalan Enggang Timur, Kawasan IKS dan Sekitar Seperti di dalam Peta.
PAJ17	Seluruh Kawasa

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(N18 HULU KELANG)**

TAJUK : STATISTIK OPERASI PENGANGKAPAN ANJING LIAR DI DUN HULU KELANG

110. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berikan statistik operasi penangkapan anjing liar mengikut zon MPAJ dalam DUN Hulu Kelang.

JAWAPAN:

- a) Berikut adalah statistik operasi penangkapan anjing liar mengikut zon MPAJ dalam DUN Hulu Kelang bagi tempoh Julai 2018

BIL	ZON	BIL OPERASI
1	1	13
2	2	12
3	3	14
4	4	10
JUMLAH		49

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(N18 HULU KELANG)**

TAJUK : STATISTIK USAHAWAN TRAK MAKANAN DI MPAJ

111. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berikan statistik usahawan trak makanan di dalam kawasan MPAJ.

JAWAPAN:

- a) Sehingga kini, terdapat 17 buah trak makanan yang telah menjalankan perniagaan di pentadbiran MPAJ. Aktiviti perniagaan ini diadakan di Padang Perbandaran MPAJ, Pandan Indah. Setiap hujung minggu pada hari Jumaat, Sabtu dan Ahad bermula pada pukul 5.00 petang sehingga 12.00 tengah malam.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(N18 HULU KELANG)**

TAJUK : STATISTIK KOS PENYELENGGARAAN LIF FLAT KOS RENDAH DI MPAJ

112. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berikan statistik kos penyelenggaraan lif yang ditanggung oleh Kerajaan Negeri di flat-flat kos rendah di dalam kawasan MPAJ.

JAWAPAN:

- a) Setakat ini Kerajaan Negeri telah membelanjakan sejumlah RM220,400.50 melibatkan tujuh (7) kawasan dan tiga puluh satu (31) unit lif bagi kawasan Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) adalah seperti berikut :

BIL	PBT	NAMA PANGSAPURI	UNIT LIF	KOS PENYENGGARAAN
1.	MPAJ	Ukay Indah	6	46,640.00
2.		Bukit Segar Blok A1	2	10,600.00
3.		Blok Tanjung	2	25,402.90
4.		Saga Suria, Taman Aga	3	26,712.00
5.		Pandan Ria Blok A & B	4	25,440.00
6.		Permai Court 2	2	22,641.60
7.		Sri Nilam	12	62,964.00
JUMLAH			31	220,400.50

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(N18 HULU KELANG)**

**TAJUK : STATUS PERMATANG KUARZA GOMBAK SEBAGAI TAPAK WARISAN
DUNIA UNESCO**

113. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status semasa pencalonan Permatang Kuartza Gombak Selangor di Kelang Gate sebagai Tapak Warisan Dunia UNESCO?

JAWAPAN:

- a) Pada masa kini, Kerajaan Negeri Selangor sedang dalam penyediaan Laporan **Dossier** yang merupakan salah satu keperluan untuk mengangkat Permatang Kuarza Gombak Selangor (PKGS) ke arah tapak warisan dunia. PKGS merupakan formasi batu Kuarza yang unik dan terpanjang dirantau Asia iaitu sepanjang 14km dan mempunyai lebar 50m hingga 200m dan tinggi 200m hingga 534m.

Penyediaan **Dossier** ini berasaskan kepada proses penelitian **Outstanding Universal Value (OUV)** dan prinsip pengurusan. Seterusnya membentuk satu program yang terperinci bagi kerja-kerja penyelenggaraan, pengurusan, fungsi dan kegunaan serta isu-isu lain. Oleh itu, dokumen ini menjadi dokumen utama ke arah mengekalkan kawasan tersebut sebagai tapak warisan semulajadi demi warisan sejagat.

Tapak Permatang Kuarza Gombak Selangor (PKGS) ini telah di senaraikan ke dalam **Tentative list** UNESCO pada Februari 2017 untuk pencalonan sebagai Tapak Warisan Dunia. **Dossier** PKGS dijangka akan diangkat untuk pertimbangan Jawatankuasa Warisan Dunia UNESCO (WHC) pada tahun 2022.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(N18 HULU KELANG)**

TAJUK : PERSATUAN DAN KELAB BELIA BERDAFTAR DI DUN HULU KELANG

114. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan persatuan dan kelab belia berdaftar di dalam DUN Hulu Kelang.

JAWAPAN:

- a) Terdapat 116 buah persatuan belia yang berdaftar di bawah Pejabat Pendaftaran Belia (ROY), Kementerian Belia dan Sukan di daerah Gombak. Daripada jumlah tersebut terdapat 2 buah pertubuhan belia tunggal yang berada di DUN Hulu Kelang iaitu Pertubuhan Belia Kampung Kemensah dan Pertubuhan Belia Al Agsa. Dilampirkan juga senarai-senarai pertubuhan belia di daerah Gombak.

Senarai pertubuhan Belia DUN Hulu Kelang :

1. Pertubuhan Belia Kampung Kemensah
2. Pertubuhan Belia Al Agsa

SENARAI-SENARAI PERTUBUHAN BELIA DI DAERAH GOMBAK

NO.FAIL	NO.PENDAFTARAN	TARIKH PENDAFTARAN	PERSATUAN/PERTUBUHAN	ALAMAT	ALAMAT POS
PPPB:01-11/0058	PPBM 0097/08	28.03.2008	KELAB RAKAN MUDA GOMBAK	PEJABAT KHIDMAT AHLI PARLIMEN, NO.2 LORONG PERAK, PUSAT BANDAR MELAWATI, 53100 KLANG, SELANGOR	PEJABAT KHIDMAT AHLI PARLIMEN, NO.2 LORONG PERAK, PUSAT BANDAR MELAWATI, 53100 KLANG, SELANGOR
PPPB:01-11/0514	PPBM 0541/08	11.09.2008	PERTUBUHAN BELIA KOMUNITI AMPANG	NO 7, KLN CEMPAKA 29, TAMAN CEMPAKA, 68000 AMPANG SELANGOR	NO 7, KLN CEMPAKA 29, TAMAN CEMPAKA, 68000 AMPANG SELANGOR
PPPB:01-11/0482	PPBM 0509/08	11.09.2008	KELAB BELIA SENTOSA	NO.27 & 28, DATARAN SENTOSA, BUKIT SENTOSA, RAWANG SELANGOR	NO.27 & 28, DATARAN SENTOSA, BUKIT SENTOSA, RAWANG SELANGOR
PPPB:01-11/0757	PPBM 0784/08	10.11.2008	PERSATUAN BELIA SERI KEMBOJA	BANGUNAN KOMUNITI TAMAN SERI KEMBOJA, JLN KEMBOJA 4A18 BKT SENTOSA 48300 RAWANG SELANGOR	BANGUNAN KOMUNITI TAMAN SERI KEMBOJA, JLN KEMBOJA 4A18 BKT SENTOSA 48300 RAWANG SELANGOR
PPPB:01-11/2418	PPBM 2430/09	26.03.2009	KELAB BELL BELIA LADANG TUAN MEE, SUNGAI BULOH	N0.88, TMN MUHIBBAH, 45600, BATANG BERJUNTAI, SELANGOR	N0.88, TMN MUHIBBAH, 45600, BATANG BERJUNTAI, SELANGOR
PPPB:01-11/4203	PPBM 4215/09	20.07.2009	KELAB BELL BELIA TAMIL SRI GARING RAWANG SELANGOR	N0.9, JALAN KUALA GARING, 48000 RAWANG, SELANGOR	N0.9, JALAN KUALA GARING, 48000 RAWANG, SELANGOR
PPPB:01-11/2519	PPBM 0002-2531/09	26.03.2009	GERAKAN BELIA 4B MALAYSIA CAWANGAN SUNGAI PUSU	DEWAN ORANG RAMAI KAMPUNG SUNGAI PUSU OFF JALAN GOMBAK, 53100 GOMBAK, SELANGOR	DEWAN ORANG RAMAI KAMPUNG SUNGAI PUSU OFF JALAN GOMBAK, 53100 GOMBAK, SELANGOR
PPPB:01-11/2522	PPBM 0002-2534/09	26.03.2009	GERAKAN BELIA 4B MALAYSIA CAWANGAN BATU 9 GOMBAK UTARA	DEWAN ORANG RAMAI BATU 9, 53100 GOMBAK UTARA, SELANGOR	DEWAN ORANG RAMAI BATU 9, 53100 GOMBAK UTARA, SELANGOR
PPPB:01-11/2506	PPBM 0002-2518/09	26.03.2009	GERAKAN BELIA 4B MALAYSIA CAWANGAN TAMAN SERI KERAMAT ANDALAS	AU 2111, TAMAN SERI KERAMAT, 68100 GOMBAK, SELANGOR	AU 2111, TAMAN SERI KERAMAT, 68100 GOMBAK, SELANGOR
PPPB:01-11/2742	PPBM 0003-2754/09	14.04.2009	PERTUBUHAN GERAKAN BELIA BERSATU MALAYSIA CAW. BANDAR BUKIT SENTOSA	33, JALAN CEMPAKA 1C, SEK.BS 2, BKT SENTOSA, 48300, RAWANG SELANGOR	33, JALAN CEMPAKA 1C, SEK.BS 2, BKT SENTOSA, 48300, RAWANG SELANGOR
PPPB:01-11/3016	PPBM 3028/09	23.04.2009	KELAB BELIA BERSATU BATU CAVES	NO.145, NAKHODA KIRI B/3, KG. NAKHODA, 68100 BATU CAVES, SELANGOR	NO.145, NAKHODA KIRI B/3, KG. NAKHODA, 68100 BATU CAVES, SELANGOR
PPPB:01-11/1667	PPBM 0002-1679/09	16.02.2009	GERAKAN BELIA 4B MALAYSIA KAWASAN GOMBAK NEGERI SELANGOR	NO.20, JLN SG 1/10, PUSAT PERNIAGAAN MPS, TAMAN INDUSTRI BOLTON, 68100 BATU CAVES, SELANGOR	NO.20, JLN SG 1/10, PUSAT PERNIAGAAN MPS, TAMAN INDUSTRI BOLTON, 68100 BATU CAVES, SELANGOR
PPPB:01-11/3109	PPBM 0015-3121/09	16.04.2009	PERTUBUHAN BELIA HINDU CAWANGAN CALIDONIA	N0.2, STAFF QUARTERS, LADANG CALIDONIA, 47000 SUNGAI BULOH, SELANGOR	N0.2, STAFF QUARTERS, LADANG CALIDONIA, 47000 SUNGAI BULOH, SELANGOR
PPPB:01-11/1851	PPBM 1863/09	26.02.2009	PERTUBUHAN BELIA K'TAS	NO.76C, KAMPUNG SUNGAI KERTAS, 68100 BATU CAVES, SELANGOR	NO.76C, KAMPUNG SUNGAI KERTAS, 68100 BATU CAVES, SELANGOR
PPPB:01-11/3115	PPBM 0015-3127/09	16.04.2009	PERTUBUHAN BELIA HINDU CAWANGAN COALFIELD SELANGOR	NO.4, BLOK B, LADANG COALFIELD, 47000 SUNGAI BULOH, SELANGOR	NO.4, BLOK B, LADANG COALFIELD, 47000 SUNGAI BULOH, SELANGOR
PPPB:01-11/1698	PPBM 0002-1710/09	18.02.2009	GERAKAN BELIA 4B MALAYSIA CAW. GOMBAK UTARA	N0.17, BATU 8, JALAN GOMBAK, KAMPUNG GOMBAK UTARA, 53100 SELANGOR	N0.17, BATU 8, JALAN GOMBAK, KAMPUNG GOMBAK UTARA, 53100 SELANGOR
PPPB:01-11/1640	PPBM 0002-1710/09	16.02.2009	GERAKAN BELIA 4B MALAYSIA CAW. TAMAN SERI GOMBAK	CO. NO.1, LEBUHRAYA PINGGIRAN BATU CAVES, 68100 BATU CAVES, SELANGOR	CO. NO.1, LEBUHRAYA PINGGIRAN BATU CAVES, 68100 BATU CAVES, SELANGOR
PPPB:01-11/2786	PPBM 0028-2798/09	14.04.2009	ANGKATAN BELIA ISLAM MALAYSIA DAERAH GOMBAK	D/A KOPERASI BELIA ISLAM MALAYSIA BERHAD, NO.10, JLN TC2A/2, TAMAN CEMERLANG 53100 GOMBAK SELANGOR	D/A KOPERASI BELIA ISLAM MALAYSIA BERHAD, NO.10, JLN TC2A/2, TAMAN CEMERLANG 53100 GOMBAK SELANGOR
PPPB:01-11/5184	PPBM 0002-5196/09	30.10.2009	GERAKAN BELIA 4B MALAYSIA CAW. PAYA JARAS TENGAH, SUBANG	LOT 2965B, KG. PAYA JARAS TENGAH, 47000 SUNGAI BULOH, SELANGOR	LOT 2965B, KG. PAYA JARAS TENGAH, 47000 SUNGAI BULOH, SELANGOR

SENARAI-SENARAI PERTUBUHAN BELIA DI DAERAH GOMBAK

NO.FAIL	NO.PENDAFTARAN	TARIKH PENDAFTARAN	PERSATUAN/PERTUBUHAN	ALAMAT	ALAMAT POS
PPPB:01-11/3477	PPBM 0006-3489/09	17.05.2009	MAJLIS BELIA INDIA MALAYSIA CAW. SUNGAI BULOH SELANGOR	226L, RRI, 47000 SUNGAI BULOH SELANGOR	226L, RRI, 47000 SUNGAI BULOH SELANGOR
PPPB:01-11/0265	PPBM 0298/08	23.07.2008	PERSATUAN BELIA TERATAI	DEWAN JKP MPAJ ZON 23, JALAN TERATAI 2/5, TAMAN BUKIT TERATAI, 56100 AMPANG SELANGOR	DEWAN JKP MPAJ ZON 23, JALAN TERATAI 2/5, TAMAN BUKIT TERATAI, 56100 AMPANG SELANGOR
PPPB:01-11/0398	PPBM 0427/08	20.08.2008	KELAB BELIA ULU KELANG	NO.302, JALAN PERMATA 6, TAMAN PERMATA, 53300, SELANGOR	NO.302, JALAN PERMATA 6, TAMAN PERMATA, 53300, SELANGOR
PPPB:01-11/0075	PPBM 0795/08	19.11.2008	PERSATUAN BELIA REMAJA KAMPUNG SUNGAI KERTAS	NO.50, KAMPUNG SUNGAI KERTAS, 68100 BATU CAVES, SELANGOR	NO.50, KAMPUNG SUNGAI KERTAS, 68100 BATU CAVES, SELANGOR
PPPB:01-11/0977	PPBM 0002-0993/08	24.12.2008	GERAKAN BELIA 4B MALAYSIA CAW. KAMPUNG SRI SENTOSA	KG SRI SENTOSA, WAKIL POS IJOK, 45600 BESTARI JAYA, SELANGOR	KG SRI SENTOSA, WAKIL POS IJOK, 45600 BESTARI JAYA, SELANGOR
PPPB:01-11/0885	PPBM 0901/08	04.12.2008	PERSATUAN BELIA KAMPUNG TASIK	NO.23, JALAN TASIK TAMBAHAN 1, 68000 AMPANG, SELANGOR	NO.23, JALAN TASIK TAMBAHAN 1, 68000 AMPANG, SELANGOR
PPPB:01-11/1722	PPBM 0008-1784/09	12.02.2009	PERGERAKAN PEMUDA MALAYSIA CAW. JALAN KEPOONG	7430, JALAN 2, TAMAN SELAYANG BARU, 68100 BATU CAVES, SELANGOR	7430, JALAN 2, TAMAN SELAYANG BARU, 68100 BATU CAVES, SELANGOR
PPPB:01-11/2031	PPBM 2043/09	26.03.2009	PERTUBUHAN BELIA ORANG ASLI BATU 12 GOMBAK	KM 24, JALAN PAHANG LAMA, GOMBAK, 68100 BATU CAVES, SELANGOR	KM 24, JALAN PAHANG LAMA, GOMBAK, 68100 BATU CAVES, SELANGOR
PPPB:01-11/2447	PPBM 0002-2459/09	26.03.2009	GERAKAN BELIA 4B MALAYSIA CAW. PUSAT NDR BARU SUMGAI BULOH SUBANG	NO.2289. JALAN 3/6 BANDAR BARU SUNGAI BULOH FASA 3. 47000 SUNGAI BULOH, SELANGOR	NO.2289. JALAN 3/6 BANDAR BARU SUNGAI BULOH FASA 3. 47000 SUNGAI BULOH, SELANGOR
PPPB:01-11/4192	PPBM 0015-4204/09	07.07.2009	PERTUBUHAN BELIA HINDU CAW. GOMBAK	B-06-10, JALAN TAMAN INTAN BAIDURI, TAMAN INTAN BAIDURI 52100 KUALA LUMPUR	B-06-10, JALAN TAMAN INTAN BAIDURI, TAMAN INTAN BAIDURI 52100 KUALA LUMPUR
PPPB:01-11/4191	PPBM 0015-4203/09	07.07.2009	PERTUBUHAN BELIA HINDU CAW. BUKIT DARAH	NO.10C, KAMPUNG MERBAU SEMPAK, BATU 19, JALAN KUALA SELANGOR, 47000 SUNGAI BULOH SELANGOR	NO.10C, KAMPUNG MERBAU SEMPAK, BATU 19, JALAN KUALA SELANGOR, 47000 SUNGAI BULOH SELANGOR
PPPB:01-11/3312	PPBM 3324/09	06.05.2009	KELAB BELIA TAMAN JASA	87, JALAN JASA 4, TAMAN JASA SG TUA, 68100 BATU CAVES SELANGOR	87, JALAN JASA 4, TAMAN JASA SG TUA, 68100 BATU CAVES SELANGOR
PPPB:01-11/2524	PPBM 0024-2536/09	14.04.2009	MAJLIS BELIA SELANGOR DAERAH GOMBAK	A-15-13A, MAGNA VILLE LEBUH RAYA SELAYANG-KEPONG, 68100, BATU CAVES, SELANGOR	A-15-13A, MAGNA VILLE LEBUH RAYA SELAYANG-KEPONG, 68100, BATU CAVES, SELANGOR
PPPB:01-11/3367	PPBM 3379/09	22.04.2009	IKATAN MELAYU MUDA SELAYANG	NO.10, JALAN 39/A, SELAYANG BARU, 68100 BATU CAVES SELANGOR	NO.10, JALAN 39/A, SELAYANG BARU, 68100 BATU CAVES SELANGOR
PPPB:01-11/3884	PPBM 3896/09	18.06.2009	ANGKATAN BELIA BERSATU GOMBAK	NO.84, JALAN SG 9/1, TAMAN SRI GOMBAK, 68100 BATU CAVES SELANGOR	NO.84, JALAN SG 9/1, TAMAN SRI GOMBAK, 68100 BATU CAVES SELANGOR
